



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

**Akta A1545**

**AKTA PERIHAL DAGANGAN (PINDAAN) 2017**

Tarikh Perkenan Diraja ... .. 9 Oktober 2017

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... .. 17 Oktober 2017

Hakcipta Pencetak (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta A1545

### AKTA PERIHAL DAGANGAN (PINDAAN) 2017

Suatu Akta untuk meminda Akta Perihal Dagangan 2011.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perihal Dagangan (Pindaan) 2017.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), seksyen 3 disifatkan mula berkuat kuasa pada 1 November 2011.

**Pindaan seksyen 2**

2. Akta Perihal Dagangan 2011 [*Akta 730*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2 dengan memasukkan sebelum takrif “barang-barang” takrif yang berikut:

“ “Akta ini” termasuklah mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;”.

**Pindaan seksyen 3**

3. Subseksyen 3(5) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “atau” dengan perkataan “dan”.

**Pindaan seksyen 15**

4. Seksyen 15 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1); dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi apa-apa iklan yang dibuat dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan yang ditetapkan di bawah seksyen 10B Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [*Akta 723*].

(3) Setakat yang berhubungan dengan seksyen 9 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*], orang berdaftar hendaklah mematuhi apa-apa garis panduan yang berhubungan dengan pempameranan, pengiklanan, penyiaran atau penyebutan harga yang dikeluarkan oleh Pengawal selepas berunding dengan Ketua Pengarah Kastam dan Eksais.

(4) Bagi maksud seksyen ini—

“Ketua Pengarah Kastam dan Eksais” ertinya Ketua Pengarah Kastam dan Eksais yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Kastam 1967 [*Akta 235*]; dan

“orang berdaftar” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.”.